

Polisi Privasi

Menjaga privasi pelanggan merupakan salah satu keutamaan Amanah Saham Nasional Berhad (No. Syarikat: 197901003200 (47457-V)) ("ASNB") bagi mengekalkan kepercayaan dan keyakinan para pelanggan terhadap produk dan perkhidmatan ASNB. Oleh itu, ASNB adalah komited dalam memastikan privasi data peribadi dan maklumat kewangan anda serta apa-apa maklumat lain yang berkenaan ("Maklumat") yang telah didedahkan oleh anda atau sedang digunapakai atau diselenggara oleh ASNB adalah dipelihara dan dilindungi pada setiap masa. Polisi Privasi ini menerangkan bagaimana ASNB mengguna, memproses dan melindungi Maklumat para pelanggannya.

Bagi tujuan Polisi Privasi ini, istilah "kami" atau "kita" adalah merujuk kepada ASNB dan istilah "anda" adalah merujuk kepada semua pemegang unit dan pelanggan ASNB serta pelawat dan pengguna laman web ini.

1. Pengumpulan Maklumat

- 1.1 Kami mengumpul Maklumat daripada anda melalui pelbagai saluran dan sumber, termasuklah Maklumat yang kami terima daripada anda secara langsung atau melalui kebenaran anda; semasa anda melawat laman web kami; semasa anda memohon perkhidmatan dalam talian kami melalui portal / laman web ASNB; semasa anda melanggan produk kami; semasa anda menggunakan perkhidmatan kami dan melalui sumber-sumber lain yang dibenarkan oleh undang-undang.
- 1.2 Maklumat yang dikumpul oleh kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara berikut:
 - (i) nama, alamat tempat tinggal, emel, nombor telefon (termasuk telefon bimbit), tarikh lahir, umur, jantina, bangsa, agama, nombor Kad Pengenalan, pekerjaan, pendapatan bulanan serta maklumat kewangan seperti nama bank dan nombor akaun bank.
 - (ii) maklumat peribadi yang dikemukakan oleh anda bagi tujuan untuk permohonan kerja di ASNB.
 - (iii) maklumat peribadi yang dikemukakan oleh anda sekiranya anda mengambil bahagian dalam sebarang kaji selidik atau pertandingan yang dikendalikan oleh kami.
 - (iv) sebarang komen, maklum balas, aduan atau mesej yang dihantar melalui telefon, emel, faks atau pos dan melalui platform atas talian kami seperti laman web, media sosial dan aplikasi peranti mudah alih termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat peribadi seperti nama, emel, alamat, nombor telefon dan maklumat kewangan.

2. Penggunaan Maklumat

- 2.1 Maklumat yang kami kumpul dan perolehi akan digunakan untuk urusan perniagaan kami termasuk penyediaan produk dan perkhidmatan seperti yang anda minta dan juga untuk memberitahu dan menawarkan produk tambahan dan perkhidmatan lain yang memberikan faedah kepada anda.
- 2.2 Walaubagaimanapun, Maklumat anda juga boleh digunakan untuk tujuan-

tujuan lain seperti untuk mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkenaan, untuk mencegah berlakunya penipuan, untuk mengiklan produk dan perkhidmatan yang bersesuaian dengan kehendak dan minat anda dan untuk menyediakan statistik atau menjalankan penyelidikan produk dan perkhidmatan pelanggan kami.

- 2.3 Adalah menjadi satu kewajipan untuk anda mengemukakan Maklumat kepada kami. Jika anda enggan mengemukakan dan tidak membenarkan Maklumat anda digunakan bagi tujuan-tujuan yang telah dinyatakan, anda boleh dihalang daripada melanggan atau menggunakan sepenuhnya produk dan perkhidmatan kami yang mana pihak kami tidak bertanggungjawab dan tidak boleh dipertanggungjawabkan sekiranya perkara tersebut berlaku.

3. Penzahiran Maklumat

- 3.1 Kami tidak akan menzahirkan Maklumat anda kepada mana-mana pihak ketiga melainkan setelah mendapat persetujuan dan kebenaran anda.
- 3.2 Anda juga bersetuju bahawa kami dibenarkan untuk berkongsi Maklumat anda di kalangan kumpulan syarikat dan ejen kami yang dibenarkan (yang telah bersetuju untuk melindungi Maklumat sebagai rahsia) dalam menjalankan perniagaan kami tetapi hanya dalam keadaan di mana perkongsian Maklumat tersebut mematuhi undang-undang, mana-mana perjanjian yang ditandatangani antara kami dan ejen yang dibenarkan dan berdasarkan polisi dan prosedur kami.
- 3.3 Dari masa ke semasa, kami melaksanakan perjanjian dengan pembekal perkhidmatan pihak ketiga bagi penyediaan perkhidmatan kepada kami. Menurut perjanjian ini, kami akan hanya memberikan Maklumat anda yang diperlukan kepada pembekal perkhidmatan untuk membolehkan mereka menyediakan perkhidmatan. ASNB juga akan memastikan bahawa pembekal perkhidmatan tersebut perlu melindungi kerahsiaan Maklumat dan tidak menggunakannya bagi tujuan lain. Melalui penggunaan laman web ini, anda adalah dianggap bersetuju untuk penggunaan Maklumat dalam Klausula 2 dan penzahiran Maklumat yang dinyatakan dalam Klausula 3 ini.
- 3.4 Sebagai contoh, kami memerlukan pembekal perkhidmatan untuk perkhidmatan berikut:
- (i) Cetakan dan penghantaran penyata pengagihan pendapatan atau penyata pegangan atau penyata suku tahunan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau penyata urusaniaga terperinci kepada anda.
 - (ii) Cetakan dan penghantaran laporan interim / tahunan produk kami kepada anda.
 - (iii) Menjalankan penyelidikan dan menganalisis data bagi tujuan penambahbaikan produk dan perkhidmatan yang kami tawarkan.
- 3.5 Jika anda enggan nama anda dan butir-butir yang berkaitan digunakan

oleh kami atau pembekal perkhidmatan kami bagi tujuan penghantaran apa-apa bahan pemasaran atau anda enggan dihubungi oleh kami bagi apa-apa penjualan dan promosi sebarang produk atau perkhidmatan melalui apa-apa medium penghantaran, sila maklumkan kepada kami melalui e-mel di asnbcare@pnb.com.my atau melalui surat kepada alamat yang dinyatakan dalam Klausula 7 di bawah.

3.6 Tanpa mengira peruntukan dalam Polisi Privasi ini, kami boleh menzahirkan Maklumat anda kepada pihak ketiga sekiranya penzahiran tersebut:

- (i) perlu bagi mematuhi apa-apa perintah penghakiman atau keperluan undang-undang;
- (ii) atas arahan atau dibenarkan oleh anda; dan
- (iii) dibenarkan atau diperlukan oleh undang-undang.

4. Keselamatan Maklumat

4.1 Kami komited untuk memastikan Maklumat anda dilindungi. Kami mempunyai prosedur fizikal, teknikal dan pentadbiran yang bersesuaian untuk melindungi Maklumat anda daripada hilang, disalahgunakan atau diubah. Kami sedaya upaya akan memastikan semua privasi Maklumat disimpan dengan selamat. Walaubagaimanapun, kami tidak menjamin Maklumat anda tidak akan didedahkan dalam cara yang tidak konsisten dengan Polisi Privasi ini disebabkan oleh perbuatan yang tidak dibenarkan atau menyalahi undang-undang oleh pihak ketiga.

5. Penyimpanan Maklumat

5.1 Maklumat anda akan disimpan di dalam 'server' dan di tempat penyimpanan yang sesuai yang diselenggara/disediakan oleh kami. Tempoh penyimpanan Maklumat anda adalah berbeza-beza bergantung kepada jenis dokumen dan disimpan mengikut polisi dan prosedur penyimpanan rekod kami.

6. Ketepatan Maklumat

6.1 Kami mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memastikan Maklumat anda adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini.

6.2 Anda diminta untuk memastikan ketepatan dan kesempurnaan Maklumat yang anda zahirkan dan kongsi dengan kami. Sila kemaskini dan maklumkan kepada kami secara bertulis tentang sebarang perubahan Maklumat anda.

6.3 Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan mengenai Maklumat anda, sila hubungi kami atau emel di nombor dan alamat yang dinyatakan dalam Klausula 7 di bawah.

7. Akses kepada Maklumat

- 7.1 Anda mempunyai hak untuk mengakses Maklumat anda yang disimpan oleh kami dan memohon untuk mengemaskini atau membuat pembetulan Maklumat yang tidak tepat atau mengelirukan.
- 7.2 Sekiranya anda memohon untuk mengakses Maklumat anda untuk membuat pembetulan atau jika anda ingin menarik balik persetujuan anda bagi pemprosesan Maklumat seperti yang dinyatakan dalam Klausa 2, anda boleh membuat permintaan secara bertulis kepada alamat berikut:

Amanah Saham Nasional Berhad,
Jabatan Perkhidmatan Pelanggan,
UG, Balai PNB,
201-A, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur.

Pusat Khidmat Pelanggan ASNB
No. Telefon : 03-7730 8899
Emel : asnbcare@pnb.com.my

8. Pautan Laman Web

- 8.1 Jika anda dipautkan ke laman web pihak ketiga daripada platform atas talian kami, sila kaji polisi privasi yang relevan yang disiarkan di laman web tersebut. Kami berhak untuk membuat perubahan kepada Polisi Privasi ini dan perubahan tersebut akan dimaklumkan dengan sewajarnya. Penggunaan berterusan perkhidmatan dan laman web ASNB oleh anda adalah dianggap sebagai penerimaan dan persetujuan anda terhadap pindaan Polisi Privasi.